

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 ( 40 )



---

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 21 TAHUN 2023**

---

**PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN  
PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU):**

**BAHAGIAN PELABURAN STRATEGIK,  
PENGURUSAN PELABURAN**

**GARIS PANDUAN TADBIR URUS SYARIKAT INDUK  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**Pejabat Bendahari**

7 November 2023

**Disalinkan kepada :**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 ( 40 )

7 November 2023

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 21/2023

### **PINDAAN PERATURAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (PKPU): BAHAGIAN PELABURAN STRATEGIK, PENGURUSAN PELABURAN GARIS PANDUAN TADBIR URUS SYARIKAT INDUK UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang pindaan Peraturan Kewangan Dan Perakaunan Universiti (PKPU): Bahagian Pelaburan Strategik, Bab A Pengurusan Pelaburan.
- 1.2 Pindaan yang terlibat adalah terhadap Lampiran Bab A Pengurusan Pelaburan iaitu Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berhubung senarai semak bagi perkara-perkara yang memerlukan kelulusan atau makluman Lembaga Pengarah Universiti berdasarkan Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM seperti mana yang telah digariskan pada PKPU.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 PKPU Bahagian Pelaburan Strategik, Bab A, Pengurusan Pelaburan telah menggariskan berhubung Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM untuk memantau pentadbiran dan pengurusan Syarikat Induk UTeM dan subsidiarinya bagi memastikan ia melaksanakan aktivitiya sebagaimana ditetapkan Pihak Berkuasa Universiti.

- 2.2 Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM juga mengandungi rujukan terhadap sumber/punca kuasa, pentadbiran dan pengurusan, aktiviti yang dibenarkan, sumber kewangan, penggunaan aset, kemudahan dan perkhidmatan Universiti, sistem kawalan dan pemantauan, penjana pendapatan, manfaat kepada UTeM dan komuniti dan perkara-perkara lain yang berkaitan.
- 2.3 Para 8.2 Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM berhubung aspek kawalan terhadap syarikat telah menyatakan bahawa Syarikat Induk perlu membentangkan perkara-perkara yang memerlukan kelulusan atau untuk makluman Lembaga Pengarah Universiti. Namun begitu, perkara-perkara tersebut tidak dijelaskan dengan terperinci di dalam Garis Panduan sama ada ia memerlukan kelulusan atau untuk pemakluman kepada Lembaga Pengarah Universiti.

### 3.0 PINDAAN

- 3.1 Penyediaan senarai semak seperti di **Lampiran III Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM** adalah bertujuan memudahkan rujukan dan sebagai penjelasan kepada perkara-perkara yang tidak diperincikan atau dinyatakan dengan jelas dalam Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM seterusnya meminda dan menjelaskan semula perkara yang memerlukan makluman atau kelulusan Lembaga Pengarah Universiti.
- 3.2 Senarai Semak tersebut telah disediakan secara menyeluruh berdasarkan peraturan atau terma yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM yang telah diluluskan pemakaiannya oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- 3.3 Aspek atau perkara penting yang disentuh adalah seperti berikut:
- 3.3.1 Perancangan Tahunan dan Pelaporan Syarikat;
  - 3.3.2 Dividen dan Yuran Pengurusan;

- 3.3.3 Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif;
  - 3.3.4 Penubuhan dan Penutupan Syarikat;
  - 3.3.5 Pinjaman atau Pembiayaan;
  - 3.3.6 Bonus dan Emolumen; dan
  - 3.3.7 Pelantikan Juruaudit Luar
- 3.4 Secara dasarnya, segala perancangan dan pelaporan syarikat berdasarkan perkara-perkara yang perlu dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah Universiti bagi perkara yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk perlu dibentangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Induk melalui Jawatankuasa Induk Pelaburan Universiti seperti berikut:
- 3.4.1 strategi dan rancangan korporat;
  - 3.4.2 perancangan kos projek yang mempunyai nilai yang '*substantial*';
  - 3.4.3 pelaporan kewangan syarikat seperti Laporan Akaun Tahunan, Prestasi Kewangan semasa dan analisisnya; dan
  - 3.4.4 sebarang aktiviti perniagaan syarikat yang melibatkan nama UTeM.
- 3.5 Pelaburan, penjualan atau pembubaran melibatkan Syarikat Induk iaitu seperti pelaburan menerusi penubuhan atau perolehan syarikat baharu tanpa mengira nilainya, termasuk syarikat yang mempunyai modal berbayar RM2.00 perlu mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti. Namun begitu, proses pelaburan, penjualan atau pembubaran melibatkan semua lapisan Syarikat Subsidiari yang telah mendapat pengesahan dan kelulusan Lembaga Pengarah Syarikat Induk hanya perlu dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah Universiti memandangkan Lembaga Pengarah Syarikat Induk adalah bertanggungjawab sepenuhnya dan mempunyai kawalan secara langsung terhadap semua lapisan Syarikat Subsidiari selaras dengan Akta Syarikat 2016.

- 3.6 Urusan pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) Syarikat Induk UTeM termasuk pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Syarikat Induk UTeM adalah dengan kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi yang mana perkara tersebut memerlukan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti sebelum diangkat untuk kelulusan Menteri Pendidikan Tinggi.
- 3.7 Manakala segala urusan pelantikan ALP dan KPE termasuk lantikan bagi semua lapisan Syarikat Subsidiari adalah di bawah bidang kuasa Lembaga Pengarah Syarikat yang mana hanya perlu dilaporkan kepada Lembaga Pengarah Universiti sebagai makluman.
- 3.8 Pindaan peraturan seperti yang dinyatakan pada Para 3.0 di atas telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 7/2023 yang bersidang pada 26 Oktober 2023. Sehubungan dengan itu, PKPU telah dipinda seperti mana peraturan pada Bahagian Pelaburan Strategik, Bab A Pengurusan Pelaburan, Lampiran 1 Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM yang disertakan.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

- 4.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.
- 4.2 Garis Panduan Tadbir Urus Syarikat Induk UTeM ini termasuk Lampiran yang disertakan bersama Garis Panduan ini hendaklah dikuatkuasakan pemakaian sepenuhnya oleh Syarikat Induk Universiti.
- 4.3 Peraturan Kewangan dan Perakaunan Universiti (PKPU) yang lengkap boleh dicapai di laman sesawang Pejabat Bendahari iaitu <https://pkpu.utem.edu.my/>

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of several loops and a long vertical stroke extending downwards.

**SABARINA BINTI ABDULLAH**

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka